

**ARAHAN (M) PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. (M) 1/1977**

**MEMBERI KELULUSAN BAGI PERMOHONAN-PERMOHONAN
PECAH SEMPADAN/BAHAGIAN TANAH**

Mengikut Arahan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 2/1977 yang telah dikeluarkan pada 1hb. Mac, 1977, kesemua permohonan-permohonan untuk mendapat kebenaran bagi memecah sempadan atau bahagian tanah yang terletak di Luar Kawasan Pehak berkuasa Tempatan samada tanah itu dipegang di bawah Hakmilik Pejabat Tanah atau Hakmilik Pejabat Pendaftaran dikehendaki diangkat bagi timbangan M.M.K. melalui Pejabat ini, untuk mendapat kelulusan sebagai 'Planning Authority' di bawah Sek. 136(1)© atau 141(1)©, Kanun Tanah Negara.

2. Mulai daripada tarikh keluarnya Arahan ini semua permohonan-permohonan bagi memecah sempadan, memecah bahagian, dan menyatukan tanah-tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Pejabat Tanah bolehlah ditimbang dan diluluskan oleh P.H.T. dengan syarat pelan 'lay-out'nya telah dipersetujui dan diluluskan oleh Pengarah Perancang Bandar dan Kampung, Kelantan, manakala tanah-tanah yang dipegang di bawah Hakmilik Pejabat Pendaftaran hendaklah diangkat ke pejabat ini seperti biasa, iaitu selepas dibuat perojokan kepada Pengarah Perancang Bandar dan kampung Negeri.

Saya yang menurut perintah,

t.t
(Mohd. Tajol Aros b.Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian,
Kelantan.

Kepada:

Semua Ketua-ketua Jajahan &
Penolong-Penolong Ketua Jajahan I,
KELANTAN

s.k Y.A.Brs., Tuan Pengarah Kerajaan, Negeri Kelantan
Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan..
Y.B. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
Y.A.Brs., Tuan Ketua Cawangan Odit, Kota Bharu
Y.A.Brs. Tuan Pengarah Ukur Negeri, Kelantan.
Y.A.Brs., Tuan Pengarah LKTN., Kota Bharu
Y.A.Brs., Tuan Ketua Ranch Penyelesaian Tanah, Kelantan
Y.A.Brs., Tuan Pengarah Perancang Bandar dan Kampung Negeri, Kel.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.**

22HB. NOVEMBER, 1977
FAIL – PTG. (KN) (M) 7/77
FAIL – PTG (Kn) 6863/(111)